

Gakum minta kementerian laksana pengkorporatan IPTA

Oleh Mohd Feroz Abu Bakar

GABUNGAN Presiden dan Setiausaha Kehormat Kesatuan Kakitangan Universiti/Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Malaysia (Gakum) meminta Kementerian Pengajian Tinggi melaksanakan cadangan pengkorporatan IPTA yang ditangguhkan pada 1998 berikutan krisis kewangan.

Pengerusinya, Omar Osman, berkata pengkorporatan itu perlu bagi membolehkan semua kakitangan universiti dan kolej universiti awam menikmati skim perkhidmatan gaji yang lebih menarik berbanding Sistem Saraan Malaysia.

Beliau berkata, inisiatif mengkorporatkan universiti dan kolej universiti awam bermula pada 1997 menerusi cadangan pelaksanaan Skim Saraan Universiti (SSU) untuk kakitangan akademik dan sokongan Universiti Malaya (UM).

Katanya, skim baru itu membatik pemberian kenaikan gaji, elau dan imbuhan kewangan kira-kira 17.5 peratus daripada skim gaji di bawah Sistem Saraan

Baru ketika itu.

“Cadangan asal pengkorporatan universiti awam oleh Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Kementerian Pengajian Tinggi membabitkan aspek pentadbiran dan kewangan. Walaupun aspek kewangan ditangguhkan kerana masalah ekonomi pada 1998, pentadbiran universiti awam sudah dikorporatkan, iaitu dari segi governan.

“Ini bermakna, kecekapan pentadbiran universiti awam sudah meningkat berdasarkan kaedah penguurusan syarikat tetapi imbuhan untuk kakitangan masih di takuk lama.

“Justeru, Gakum meminta kerajaan memikirkan dengan serius untuk melaksanakan SSU seperti cadangan JPT sebelum ini. Kita juga akan menemui Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Dr Shafie Mohd Salleh untuk mengajukan hal ini,” katanya ketika ditemui di Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, semalam.

Sebelum ini, Presiden Open University Malaysia, Tan Sri Prof Dr Anuwar Ali, juga mencadangkan kerajaan melaksanakan pelan pengkorporatan universiti awam untuk menarik kedatangan tenaga penga-

jar terbaik dari dalam dan luar negara.

Beliau yang pernah berkhidmat sebagai Pengarah JPT antara 1995 hingga 1998 berkata, universiti berstatus korporat menawarkan skim ganjaran setanding dengan negara lain di rantau ini serta mampu meningkatkan kualiti pendidikan dan penyelidikan di IPTA.

Omar berkata, langkah meminta Kementerian Pengajian Tinggi supaya mengkorporatkan universiti awam juga adalah sebahagian daripada resolusi Mesyuarat Tahunan Gakum di Universiti Malaysia Sabah (UMS), Kota Kinabalu, baru-baru ini.

Selain itu, katanya, mesyuarat itu juga meminta wakil Gakum mengadakan perbincangan dengan Jawatankuasa Pendaftar Universiti untuk mendapat penjelasan lanjut mengenai pelaksanaan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK).

Beliau berkata, kakitangan sokongan yang dinaungi Gakum tidak berpuas hati dengan peperiksaan umum dan khusus PTK yang dikatakan terkeluar daripada bidang tugas mereka, selain soalan terutama bagi

peperiksaan umum juga berbeza antara satu universiti dengan universiti yang lain.

Di samping kelemahan dari segi pelaksanaan PTK, katanya, Gakum mendapat tahu Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mengeluarkan pekeliling agar anjakan gaji kakitangan yang lulus tidak melebihi 15 peratus daripada keseluruhan calon yang menduduki peperiksaan berkenaan.

“Kuota ini tidak ada dalam cadangan pelaksanaan PTK kerana sebelum ini kami dimaklumkan, kakitangan kerajaan yang lulus peperiksaan itu dan sudah menjalani latihan Biro Tata Negara (BTN) akan mendapat anjakan gaji.

“Di UPM saja, hampir 2,000 daripada kira-kira 2,500 kakitangan sokongan sudah menduduki peperiksaan PTK dan menjalani kursus BTN selama lima hari pada Julai lalu. Bagaimanapun, kebanyakan mereka tidak mendapat anjakan gaji kerana dikatakan sudah memenuhi kuota ditetapkan JPA,” katanya.

Omar berkata, Gakum juga akan mengadakan pertemuan dengan Pe-

ngerusi Jawatankuasa Pendaftar Universiti, Kamalul Aripin Muda, dijangka akhir bulan ini, untuk membincangkan isu kuota 15 peratus kakitangan yang dibenarkan mendapat anjakan gaji itu.

Gakum kini mempunyai 13 ahli gabungan dan empat wakil pemerhati yang mewakili kira-kira 23,000 kakitangan sokongan di 17 IPTA.

Ahli gabungan ialah kesatuan kakitangan sokongan UM, UPM, UMS, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Sains Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Malaysia Sarawak, Universiti Teknologi Mara, Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia, Kolej Universiti Islam Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Universiti Utara Malaysia.

Empat lagi kolej universiti awam belum menubuhkan kesatuan kakitangan sokongan ialah Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn, Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia, Kolej Universiti Teknikal dan Kejuruteraan Malaysia dan Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia.